

# 16 PELAJAR UPM HARUMKAN NEGARA

Oleh: MOHD RUSDY HASAN ([rusdy@putra.upm.edu.my](mailto:rusdy@putra.upm.edu.my))

**"BERPATAH ARANG BERKERAT ROTAN".** Keputusan yang diambil oleh Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menyertai Pertandingan Prototaip Traktor berskala  $\frac{1}{4}$  di Illinois, Amerika Syarikat baru-baru ini adalah tepat.

Walaupun bukan anugerah dan kemenangan yang dicari tetapi berkat kesungguhan serta iltizam yang tinggi mereka akhirnya dinobatkan sebagai pemenang dua anugerah.

Anugerah pasukan terbaik dari segi kerjasama dan anugerah tempat kedua laman web terbaik sudah memadai untuk mereka bawa pulang merentasi beberapa benua sebagai bukti kejayaan warga Malaysia.

Pasukan UPM yang terdiri daripada 16 pelajar dan 5 pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian menyertai pertandingan ini atas dasar untuk mencari pengalaman bersaing diperingkat dunia.

Mereka semua akur pasukan yang bersaing pada kejohanan itu adalah dari universiti dan institusi yang berprestij di Amerika dan Eropah. Sebab itulah sasaran untuk mendapat tempat tidak terbayang dalam kepala peserta.

Dengan usaha gigih pasukan Belangtara berjaya dalam tempoh dua bulan untuk menyiapkan semua projek termasuk mendapatkan penajaan, mereka

bentuk laman web, membina traktor prototaip, serta proses mebawa traktor dan 20 ahli pasukan ke Amerika Syarikat.

Menurut Dr. Azmi sebagai pengurus pasukan walaupun Belangtara tidak berjaya secara keseluruhan, mereka telah menunjukkan keyakinan yang tinggi untuk bersaing dengan 26 pasukan lain. Pasukan-pasukan tersebut telah membuat persiapan kira-kira 6 bula awal dan berpengalaman menyertai pertandingan itu sejak dumulakan tiga tahun lalu.

UPM adalah pasukan pertama dari luar Amerika Utara yang menyertai pertandingan anjuran Persatuan Jurutera Pertanian Amerika Syarikat (ASAE) itu.

Juara keseluruhan dimenangi pasukan dari Universiti Kansas State, diikuti Universiti Tennessee dan Universiti Wisconsin.

Dr Azmi yang juga Ketua Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian berkata pihaknya sudah menuahkan Tabung Amanah Traktor Berskala  $\frac{1}{4}$  untuk mengumpulkan sumbangan daripada pihak industri, syarikat atau individu untuk membolehkan UPM menghantar peserta pada tahun-tahun berikutnya.

Dalam pertandingan tahun ini pasukan Belangtara berjaya mengumpul sumbangan dan tajaan daripada Syarikat Sapura Holding sebanyak RM 150,000, Takaful Malaysia (RM 8,000) manakala

Tractors Malaysia Holdings dan Agriculture Machinery Engineering menyediakan komponen mekanikal.

Tabung amanah yang diwujudkan itu sedang mengumpul dana untuk tujuan tersebut dan semua masyarakat bolehlah menyumbang bagi membantu peserta-peserta ke pertandingan tersebut. Maklumat lanjut mengenai pasukan Belangtara boleh diakses melalui laman web [www.geocities.com.belangtara~upm](http://www.geocities.com.belangtara~upm).



Seorang pelajar membuat demo mengenai cara pengendalian traktor ciptaan pelajar UPM yang memenangi 2 anugerah di Amerika Syarikat - Ehsan BERNAMA